

98

SOALAN NO. 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY

[BACHOK]

TARIKH : 5 MAC 2018 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah penerima bantuan JKM yang diluluskan dan ditamatkan, sejak 5 tahun lepas.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan bulanan kepada golongan sasar tertakluk kepada syarat kelayakan yang ditetapkan. Falsafah pemberian bantuan kebajikan adalah untuk meringankan beban buat sementara waktu sehingga penerima bantuan dapat keluar dari kepompong kemiskinan dan mampu hidup berdikari. Sehingga Disember 2017, sebanyak **RM1,497,034,795.00** telah diperuntukkan untuk manfaat **502,430** penerima bantuan kewangan bulanan.

Berikut merupakan statistik penerima bantuan yang diluluskan dan ditamatkan dari tahun 2013 hingga 2017.

TAHUN	2013	2014	2015	2016	2017
Kes Diluluskan	492,676	492,607	487,185	462,322	502,430
Kes Ditamatkan	89,949	77,993	72,004	72,451	70,652